

24hb Mei 2023

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PENSIJILAN RSPO (P&C).**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

**Kuala Lumpur Kepong Berhad – Changkat Chermin Palm Oil Mill**, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Malaysia National Interpretation (MYNI) Nov 2019 – RSPO SCC Systems Documents 2020.

Seperi yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **10 – 14 Julai 2023** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

Syarikat Pemohon	<b>Kuala Lumpur Kepong Berhad – Changkat Chermin Palm Oil Mill</b>
RSPO Membership	1-0014-04-000-00
RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)	RSPO_PO1000000896

<b>Butiran Pemohon</b>	Mr. Thien Jing Wen <a href="mailto:jw.thien@klk.com.my">jw.thien@klk.com.my</a>  Tel : (605) 2417 844 <b>Address:</b> Wisma Taiko, 1, Jalan S.P. Seenivasagam, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
------------------------	--

<b>Maklumat ringkas perniagaan pemohon</b>	Kuala Lumpur Kepong Berhad (“KLK”) ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dengan permodalan pasaran kira-kira RM22.318 bilion pada akhir September 2022. KLK adalah antara syarikat perladangan terbesar di Malaysia, dengan bank tanah seluas hampir 300,000 hektar, tersebar di seluruh Malaysia (Semenanjung dan Sabah), Indonesia (Pulau Belitung, Sumatera, Kalimantan) dan Liberia.  Dari rekod RaCP Tracker, Kompleks KLK Changkat Chermin tidak mempunyai proses New Planting Procedure (NPP) dan Remediation and Compensation Plan (RaCP) yang sedang berjalan dengan RSPO.
--	---

**MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang MT/JAM	Model Rantai Bekalan	Lokasi		Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
			Alamat		Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
Changkat Chermin POM	60	IP	Batu 13 ½, 32400 Ayer Tawar, Perak, Malaysia		100.78498	4.27527	54,385.0	11,726.0

**RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Changkat Chermin Estate	Ladang Changkat Chermin, Batu 13 ½, 32400 Ayer Tawar, Perak	100.79697	4.30483	2,525	2,410	59,137
Lekir Estate	Ladang Lekir, Batu 12, 32020 Sitiawan, Perak	100.8078	4.10582	3,307	3,262	60,400
Raja Hitam Estate	Ladang Raja Hitam, Batu 18, Kg. Jering, 32400 Ayer Tawar, Perak	100.77367	4.35046	1,497	1,422	36,733
Glenealy Estate	Ladang Glenealy, Jalan Siputih – Batu Hampar, 32800 Parit, Perak	100.93071	4.45879	1,059	971	19,869
Allagar Estate	Ladang Allagar, 34800 Trong, Perak	100.73469	4.60052	773	716	14,854

**RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
Serapoh Estate	Ladang Serapoh, 32800 Parit, Perak	100.89169	4.520827	936	741	15,844
Kuala Kangsar Estate	Ladang Kuala Kangsar, 33700 Padang Rengas, Perak	100.85071	4.76751	1,340	772	16,106
Pinji Estate	Ladang Pinji, P.O. Box 1027, 30820 Ipoh, Perak	101.08861	4.50333	792	742	14,970
Batu Dua Estate	Ladang Batu Dua, P.O. Box 1027, 30820 Ipoh, Perak	101.07472	4.47861	158	153	4,041
Menglembu Estate	Ladang Menglembu, d/k No. 1, Hala Kledang 4, Taman Kledang, 31450 Menglembu, Perak	101.03972	4.56222	65.26	42	898
Kampar Estate	Ladang Kampar, Peti Surat 20, 31907 Kampar, Perak	101.10991	4.26902	754	716	13,889
Bukit Katho Estate	Ladang Bukit Katho, Jalan Kampung Poh, 35500 Bidor, Perak	101.33656	4.08084	480	457	9,900

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif maupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

**Global Gateway Certifications Sdn Bhd**

**Pengurus Scheme,**  
**Global Gateway Certifications Sdn Bhd,**  
No.10, Jalan Rasmi 7,  
Taman Rasmi Jaya,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689  
Fax: +60 3 4256 2687  
Email: [jamal@ggc.my](mailto:jamal@ggc.my) / [admin@ggc.my](mailto:admin@ggc.my)

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

**Mohd Fadzli bin Bistamam (Ketua Juruaudit)**

Graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Biologi dan Pertanian dengan pengalaman kerja lebih dari 7 tahun di dalam Industri Perladangan Kelapa Sawit. Mempunyai lebih dari 7 tahun pengalaman bekerja di Industri Perladangan Kelapa Sawit dengan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Pengalaman menguruskan pekerja ladang, pengendalian mineral dan tanah gambut serta berpengalaman di dalam pengurusan racun untuk kawalan rumput dan makhluk perosak di sektor Ladang Kelapa Sawit.

Juga berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit dan terlibat dalam audit kelestarian dan Sistem Pengurusan untuk kebanyakkan standard kelestarian seperti audit RSPO, ISCC dan MSPO. Telah bejaya menamatkan kursus-kursus seperti ISO 9001:2015, RSPO Lead Auditor Course, RSPO Supply Chain Certification Training, MSPO Training, ISCC EU & Plus Basic Training, ISCC Waste & Residue Training and ISCC Plus Training. Terlibat dalam bidang audit sejak dari tahun 2016 dan pernah menjalankan audit di negara Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, Ivory Coast, India and Singapore. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

**Mahaswaran Maliyappan (Juruaudit)**

Master Eksekutif dalam Peningkatan Keusahawanan [ Pengurusan Rantaian Bekalan ], Diploma Profesional dalam Amalan Pengurusan Antarabangsa, Diploma Siswazah dalam Pentadbiran Perniagaan, dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal. Mempunyai pendedahan dan pengalaman yang luas dalam bidang kejuruteraan, kualiti, skema kelestarian, pengauditan pihak ke-2 & ke-3 dalam pelbagai industri dan memiliki rekod prestasi pengauditan yang terbukti pelbagai syarikat multinasional di dalam dan luar negara.

Jurulatih yang diperakui, Juruaudit Pematuhan / Utama untuk ISO 9001, 14001, OHSAS 18001, Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001, Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan ISO 22000, MSPO, RSPO P&C, RSPO SCCS, RSPO Seterusnya. Sejak tahun 2020 menjadi Juruaudit Pematuhan Sosial Bersekutu ( ASCA ) – APSCA, Program Konvergensi Sosial & Buruh yang diluluskan ( SLCP ) Verifier, RBA Labor and Ethics ( LE ) dan Alam Sekitar, Kesihatan, dan Keselamatan ( EHS ), mempunyai rekod kecekapan untuk pengesahan / penilaian risiko pekerja migran terhadap kerangka Indikator Buruh Paksa ( ILO ) Organisasi Buruh Antarabangsa dan anggota Persatuan ESG Malaysia. Sejak 2012 dilatih dalam program pensijilan pertanian seperti RSPO, MSPO dan SCCS dan memegang peranan sebagai juruaudit utama atau juruaudit dengan beberapa badan pensijilan tempatan dan luar negara. Anggota pasukan audit GGC RSPO. Mampu bertutur dan memahami Bahasa Malaysia, Inggeris, Tamil dan bahasa lisan asas Bahasa Indonesia.

**Baskaran Sankaran (Juruaudit)**

Sarjana Keselamatan & Pengurusan Risiko Kesihatan dari Universiti Terbuka Malaysia, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Program Pengurusan. Lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam pelbagai industri bekerja. Terlibat dalam RSPO dan penilaian MSPO sejak 2014. Terlibat dalam audit yang dijalankan bagi syarikat yang berbeza di Malaysia dan Indonesia. Bidang ISO 9001: 2008 dan ISO 14001: 2004 kursus Ketua audit pada tahun 2006 & 2010. Juga disiapkan RSPO latihan Ketua Juruaudit pada Disember 2014. Berkelayakan sebagai Ketua Juruaudit / Juruaudit dalam beberapa program pensijilan seperti RSPO, MSPO, ISO dan lain-lain. Ahli pasukan audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

**Ismadi bin Ismail (Juruaudit)**

Beliau memiliki Diploma Pengurusan Ladang dari Institut Teknologi MARA, Kuantan Pahang dengan pengalaman bekerja selama 25 tahun dengan pelbagai syarikat perladangan. Pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam pembukaan Ladang Baru dan Amalan Pertanian Terbaik (GAP) untuk perladangan sama ada di atas tanah gambut atau mineral. Pengalaman dalam pengauditan MSPO sejak 2017 dan berkelayakan sebagai Ketua Auditor / Auditor dalam program pengauditan CoP, MSPO, RSPO, SCCS dan OSHAS. Beliau telah mengikuti kursus Auditor MSPO pada tahun 2017 dan SCCS pada tahun 2019 yang diadakan oleh SGS (M) Sdn Bhd, Kursus untuk Ketua Auditor RSPO pada 2019 dan ISO 9001: 2015 oleh TOMC. Selain pengauditan, beliau juga merupakan seorang panel MSPO Peer Reviewer yang diiktiraf oleh MPOCC sejak 2017. Ahli pasukan audit GGC MSPO dan dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
E-mel : \_\_\_\_\_  
Numbor Telefon : \_\_\_\_\_  
Ringkasan Isu : \_\_\_\_\_

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.


Yang benar,




**Muhd Jamalul Arif,**  
Pengurus Scheme,  
Global Gateway Certifications Sdn Bhd

**Lampiran 1 – Peta Lokasi**


Rajah 1: Serapoh Estate




Rajah 2: Raja Hitam Estate




Rajah 3: Lekir Estate




Rajah 4: Kampar Estate




Rajah 5: Changkat Chermin Estate




Rajah 6: Bukit Katho Estate




Rajah 7: Allagar Estate




Rajah 8: Kuala Kangsar Estate (Gapis Division)




Rajah 9: Kuala Kangsar Estate (Selinsing Division)




Rajah 10: Glenealy Estate – (Home Division)




Rajah 11: Glenalay Estate – (Parit Division)




Rajah 12: Glenealy Estate – (Reyland Division)




Rajah 13: Glenealy Estate – (Senggang Division)



Rajah 14: Pinji Estate – (Hillrise Division)



Rajah 15: Pinji Estate – (Meranti Lapan Division) & Batu Dua Estate



Rajah 16: Menglembu Estate

